

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN
RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]**

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapa jumlah perbelanjaan yang telah dibayar oleh semua IPTA kepada penerbit antarabangsa untuk menerbitkan jurnal dan buku semenjak penarafan MyRA dan MyRA II diperkenalkan dan berapakah manfaat yang diterima bagi setiap perbelanjaan yang dibuat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa menggalakkan institut pendidikan tinggi awam (IPTA) menerbitkan jurnal dan buku dengan penerbit antarabangsa dengan tujuan untuk membina jalinan kolaborasi dan menyebarkan karya ilmiah yang berkualiti serta hasil penyelidikan di persada antarabangsa. Secara tidak langsung, ini turut memajukan bidang penerbitan dalam kalangan penyelidik ke arah kecemerlangan universiti. Bagi tujuan ini, dianggarkan sebanyak RM75 juta telah dibayar oleh sebahagian Universiti Awam (UA) kepada penerbit antarabangsa bagi penerbitan jurnal dan buku semenjak penarafan MyRA dan MyRA II (2009 hingga 2019) diperkenalkan.

Antara manfaat yang diterima daripada hasil usaha penerbitan ini adalah:

- (i) Hasil penerbitan Malaysia di peringkat antarabangsa telah meningkat melalui sitasi penerbitan oleh penyelidik-penyelidik di dalam dan luar negara. Berdasarkan rekod daripada pangkalan

data Scopus, sebanyak 303,818 penerbitan ilmiah dan 2,949,472 sitasi telah diterima oleh penyelidik Malaysia sepanjang tahun 2007 hingga 2019. Penerbitan ilmiah tahunan tertinggi yang direkodkan adalah pada tahun 2019, iaitu sebanyak 37,984 berbanding hanya 5,460 pada tahun 2007;

- (ii) Penerbitan ilmiah yang meningkat sejak tahun 2007 dan penerimaan sitasi hampir 3 juta;
- (iii) Stanford University telah mengenal pasti bahawa terdapat seramai 163 orang penyelidik Malaysia daripada jumlah keseluruhan di dunia, iaitu 159,683 telah diiktiraf dalam kalangan World's Top 2% Scientist melalui artikel yang diterbitkan pada 16 Oktober 2020.

Sesungguhnya ini membuktikan bahawa terdapat ramai penyelidik Malaysia telah berjaya menghasilkan penyelidikan yang bermutu dan berimpak tinggi sehingga menjadi rujukan para penyelidik di seluruh dunia. Secara tidak langsung, perkara ini turut menyumbang kepada percambahan ilmu seterusnya menjadi rujukan global.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan pangkalan data antarabangsa Scopus Scival, bilangan penerbitan jurnal dan buku oleh 20 UA adalah sebanyak 9,209 pada tahun 2009 dan meningkat kepada 29,355 pada tahun 2019, iaitu pertambahan sehingga 218 peratus dan ini merupakan antara peningkatan tertinggi di peringkat antarabangsa. Jumlah keseluruhan penerbitan daripada 20 UA sepanjang tempoh tersebut turut menyumbang kepada 236,565, iaitu 81 peratus daripada jumlah keseluruhan penerbitan yang dihasilkan di negara ini bagi tempoh yang sama. Lanjutan daripada itu, bilangan penerbitan saintifik yang dihasilkan oleh penyelidik-penyelidik di Malaysia telah berjaya mengatasi bilangan penerbitan negara-negara jiran di rantau Asia Tenggara seperti Thailand pada tahun 2009 dan Singapura pada tahun 2011.

Jumlah geran antarabangsa yang diterima oleh 20 UA pada tahun 2018 ialah RM62.6 juta, iaitu telah meningkat sebanyak 713% jika dibandingkan dengan tahun 2009 di mana hanya RM7 juta sahaja yang

NO. SOALAN : 15

diterima. Bagi geran swasta (industri) pula, sebanyak RM24 juta diterima pada tahun 2009 manakal RM41 juta diterima pada tahun 2018, iaitu peningkatan sebanyak 71 peratus.

Peningkatan bilangan penerbitan jurnal dan buku saintifik di peringkat antarabangsa telah secara tidak langsung memberikan manfaat kepada peningkatan *rankings* universiti di peringkat antarabangsa. Sesungguhnya ranking ini memainkan peranan yang penting dalam penjenamaan serta pemasaran sesebuah institusi/universiti termasuk menaikkan nama dan imej negara (Malaysia) dan seterusnya pendapatan negara.
Sekian, terima kasih.